



Bersama  
Mohd Shahrizal  
Nasir

08-01-2018

addin

19

HARIAN METRO

**M**utakhir ini wujud suara sumbang golongan yang cuba merosakkan pegangan umat Islam berkaitan Rasulullah SAW.

Mereka mengutarakan pelbagai persoalan supaya difikirkan semula berkaitan kedudukan Rasulullah SAW sebagai insan mulia khususnya membabitkan rumah tangga Baginda.

Dengan kemudahan ruang media sosial yang terbuka luas, golongan itu menulis ungkapan yang tidak sopan terhadap Baginda SAW.

Isu berkaitan perkahwinan Rasulullah SAW dengan Saidatina Aisyah, kehidupan poligami Baginda, hal berkaitan rumah tangga Baginda dan lain-lain dijadikan modal untuk mengelirukan masyarakat awam.

Golongan yang mungkin sedang menghadapi krisis diri itu cuba mengeluarkan kenyataan mempertikaikan keperibadian Baginda Rasulullah SAW.

Sedarkah mereka Rasulullah SAW adalah contoh ikutan yang terbaik buat sekalian manusia? Masalah itu timbul kerana wujudnya golongan yang kononnya berusaha memperjuangkan hak persamaan jantina.

Mereka bercakap berdasarkan nafsu dan akal mereka yang cetek terhadap nas agama Islam. Ditambah pula dengan

## Peribadi mulia Rasulullah

■ Umat Islam harus yakin sikap mulia Nabi anugerah Ilahi

sumber ambilan tidak tepat mereka bagi kisah yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW.

Mereka bukan daripada golongan tidak bijak, namun disebabkan akal fikiran diasak dengan sentimen gender yang tidak bertempat, maka dihamburkan persoalan yang terlintas dalam minda mereka.

Golongan terbabit menimbulkan keraguan tanpa mahu mendengar penjelasan daripada ilmuwan. Ruang ini tidaklah bertujuan untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan golongan itu.

Namun perlu dijelaskan di sini mengenai perkara asas yang wajib difahami umat Islam berkenaan Rasulullah SAW.

Mudah-mudahan masyarakat awam semakin mengasihi Rasulullah SAW dan tidak sekali-kali ragu dengan keperibadiannya.

Baginda adalah insan mulia yang dipilih Allah SWT untuk dijadikan contoh ikutan. Tidak mungkin insan mulia itu memiliki sifat buruk sehingga boleh menjadikan manusia ragu-ragu untuk mengikut jejak



**Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (pada masa susah dan senang)**

*Surah al-Ahzab, ayat 21*

langkahnya.

Al-Quran merakamkan pengiktirafan Allah SWT yang jelas terhadap keluhuran budi pekerti Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (pada masa susah dan senang)." **(Surah al-Ahzab, ayat 21)**

Akhlah Rasulullah SAW amat terpuji termasuk akhlak bersama isterinya. Usah dibayangi dengan pengalaman manusia lain dalam bab rumah tangga

sehingga menyangka hal sama berlaku dalam kehidupan Rasulullah SAW dan ahli keluarganya.

Bukankah Rasulullah SAW menerima wahyu langsung daripada Allah SWT. Justeru, mustahil bagi Allah SWT membiarkan sesuatu yang tidak cantik dalam diri Baginda SAW.

Jika ada sesuatu yang kurang tepat, pastinya Allah SWT akan terus memperelokkannya kerana termaktub pengiktirafan Allah SWT terhadap keluhuran pekerti Rasul-Nya.

Satu perkara yang tidak boleh disangkal ialah ahli keluarga Baginda sendiri mengiktiraf kemuliaan akhlaknya. Mana mungkin isteri-isteri Baginda saling

berselisih faham atau mencemburui sesama mereka sehingga menahirkan akhlak Baginda yang tidak indah.

Isteri Rasulullah SAW sendiri mengiktiraf kemuliaan akhlak Baginda dalam segenap aspek termasuk dalam hal ehwal rumah tangga. Hal itu dapat dilihat daripada jawapan Saidatina Aisyah yang ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW.

Beliau menjawab: "Akhlah Rasulullah adalah seperti al-Quran" **(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).**

Lihatlah bagaimana seorang isteri Baginda memperihalkan akhlak Rasulullah SAW yang dapat difahami seperti termaktub dalam Kalamullah.

Hakikatnya, tiada perkara yang dapat menjadikan manusia ragu-ragu mengenai keperibadian Baginda yang cukup mulia.

Memang benar Rasulullah SAW adalah manusia seperti kita semua. Namun, Baginda dikurniakan mukjizat hebat sesuai dengan tugasnya sebagai rasul terakhir.

Selain itu, Baginda



**AL-HAQ**  
*Sehari sepotong ayat*  
"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah." Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia."  
*(Surah ar-Ra'd, ayat 28)*

dikurniakan 'khasais' iaitu membabitkan hukum-hakam khusus buat Baginda. Sebagai manusia yang beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, mustahil untuk kita menafikan kurniaan mukjizat dan khasais oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW.

Usahlah disebabkan keinginan untuk mengkritik Baginda, maka dinafikan hak Allah SWT untuk mengurniakan sesuatu yang istimewa kepada Rasulullah SAW.

Dengan pengiktirafan Allah SWT terhadap keluhuran peribadi Rasulullah SAW, secara langsung menyangkal cakap-cakap tidak betul mengenai Baginda SAW.

**Penulis pensyarah  
Universiti Sultan  
Zainal Abidin (UnisZA),  
Terengganu**